



اَوْنِيُوْا سِيْقِيْ بِاِيْكَوْلُوْا كِيْمَا مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN SANJUNG SARJANA (GSS) (TAHUN 2022)

Unit Perolehan Geran (UPG)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259
Faks : (+603) 5544 8280

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan Sanjung Sarjana (GSS)	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	4
5.0 Pemantauan Penyelidikan	5
6.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	5

FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN SANJUNG SARJANA (GSS)

1.0 PENGENALAN

Geran Penyelidikan Sanjung Sarjana (GSS) ini bertujuan sebagai pemangkin kepada kecemerlangan penyelidikan yang berterusan serta menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dalam penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University* (GRU) 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Geran ini juga diharap boleh dimanfaatkan oleh seluruh warga penyelidik bagi tujuan jaringan kolaborasi dan penjana hasilan penyelidikan terutama yang dapat menyumbang terus kepada skor MyRA UiTM.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan projek adalah dari RM1,000.00 sehingga RM5,000.00 (mengikut kategori anugerah) bagi tempoh penyelidikan selama dua belas (12) bulan sahaja.

3.0 SYARAT - SYARAT PENAWARAN

Geran ini ditawarkan kepada staf akademik UiTM yang menerima anugerah penyelidikan pada Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2022.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot21000	Perjalanan, Penginapan dan Pengangkutan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas

4.2 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

4.3 Bagi anugerah individu, urusan tuntutan bagi geran ini boleh dilakukan terus melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) atau Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang terlibat.

4.4 Bagi anugerah di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Pusat Kecemerlangan (HiCoE/CoE), fakulti dan kampus cawangan, dana akan

disalurkan ke bendahari zon masing-masing bagi tujuan penggunaan peruntukan.

5.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 5.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh RMC.
- 5.2 Pelanjutan serta permohonan pertukaran dan penambahan ahli bagi geran ini adalah tidak dibenarkan.
- 5.3 Penyelidik mesti menghantar laporan akhir setelah geran tamat di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian yang diguna pakai.
- 5.4 Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada penyelidik.
- 5.5 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 5.6 Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta *Malaysia Code of Responsible Conduct in Research* 2017.

6.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Geran ini perlu menghasilkan sama ada satu (1) jurnal berindeks atau satu (1) jaringan penyelidikan (MoU antarabangsa/ MoA tempatan baharu/ aktiviti penyelidikan di bawah MoU/MoA) atau membiayai penyelidik ke luar negara atau penghasilan harta intelek (IP) atau yuran pameran penyelidikan bagi menyumbang terus kepada skor MyRA UiTM (rujuk Lampiran 1).

LAMPIRAN 1

Bil.	Perkara	Seksyen Glosari MyRA I (Pindaan 2018)	Catatan
1.	Penerbitan Berindeks Secara Bersama, ATAU	Seksyen C 1 (a) (i) & (iii)	Jurnal berindeks SCOPUS/WOS
2.	MoU Antarabangsa atau MoA Tempatan Baharu, ATAU	Seksyen G 1 (a) / G 4 (a)	MoU/MoA perlu dimatikan setem
3.	Bilangan staf akademik yang terlibat di dalam projek penyelidikan di bawah MoU/MoA, ATAU	Seksyen G 1 (b) / G 4 (b)	
4.	Bilangan Penyelidik ke Luar Negara Untuk Aktiviti Penyelidikan, ATAU	Seksyen G 2	Tempoh sekurang-kurangnya lima (5) hari tidak termasuk perjalanan Perlu bukti tajaan bersama oleh pihak luar
5.	Pembayaran Yuran Harta Intelek (IP), ATAU	Seksyen E 4	Perlu melalui Unit Harta Intelek, BITCOM
6.	Pembayaran Yuran Pameran Penyelidikan	Seksyen B 4 (e) / B 4 (f)	Perlu melalui Unit Inovasi, RMC